

03 APR 1997

Mahathir-Sosial

KERAJAAN SEDANG MENGANALISIS GEJALA SOSIAL, KATA DR MAHATHIR

SERDANG, 3 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kerajaan sedang menganalisis gejala sosial di negara ini untuk mencari jalan bagi menanganinya.

Perdana Menteri berkata memandangkan masalah sosial itu agak besar dan serius, ia perlu dikaji dengan mendalam.

"Kita tidak boleh mengambil keputusan dengan tergesa-gesa tanpa menganalisis masalah yang wujud," kata beliau dalam sesi dialog dengan pelajar Universiti Pertanian Malaysia yang kini dikenali sebagai Universiti Putra Malaysia di sini.

Dr Mahathir yang melakukan lawatan sehari ke universiti itu telah ditanya mengenai langkah yang diambil oleh kerajaan dalam menangani masalah sosial khususnya di kalangan belia.

Mengenai cadangan pengkorporatan universiti, Perdana Menteri mengulangi jaminan kerajaan bahawa pelajar dan ibu bapa tidak perlu khuatir mengenai kesan daripada langkah itu terhadap mereka.

"Kerajaan akan bertimbang rasa terhadap mereka. Kita akan menentukan langkah ini tidak menjadi beban," katanya,

Beliau berkata kerajaan juga akan memberi bantuan kepada pelajar yang kurang mampu melalui subsidi.

Dr Mahathir menjelaskan bahawa pengkorporatan universiti tempatan bertujuan menghalang kehilangan pensyarah-pensyarah yang kebanyakannya berhijrah ke sektor swasta kerana gaji yang lumayan.

Sambil mengucapkan terima kasih kepada pensyarah dan kakitangan lain yang masih bertugas di universiti tempatan, Dr Mahathir berkata beliau yakin bukan semua individu mementingkan wang.

Perdana Menteri menegaskan kerajaan tidak berniat untuk mengurangkan belanja bagi bidang pendidikan melalui pengkorporatan institusi pengajian tinggi tempatan itu. -- BERNAMA

ES NMO